


Tarik dan letakkan Kata Seru yang sesuai ke dalam tempat kosong berdasarkan ayat yang diberikan.



1. _____, kamu ambillah pensel saya dahulu!
2. _____, sakitnya kaki saya terpijak paku!
3. _____, cantiknya jam baharu kamu!
4. _____, berani engkau mencabar aku!
5. _____, kamu telah terpilih sebagai pemenang!
6. _____, malang sungguh nasib kucing terbiar itu!
7. _____, rupa-rupanya kamu yang mencuri wang saya!
8. _____, merahnya baju kamu!
9. _____, kita sudah sampai di Port Dickson!
10. _____ kawan-kawan, jom kita ke kantin bersama-sama!

Sumber : <https://www.cikguayu.my/latihan-bahasa-melayu-ayat-seruan/>

Pilih **Betul** atau **Salah** berdasarkan penggunaan **Kata Seru** di dalam ayat yang digunakan.

1. **Wah** , cantik sungguh rumah baru kamu ini !
Kata Su Anne kepada Hanna. [Pilih di sini](#)
2. **Aduh** , sakitnya gigiku ini ! Kata Fairuz. [Pilih di sini](#)
3. **Amboi** , malangnya mangsa kebakaran
yang tinggal sehelai pinggang itu ! [Pilih di sini](#)
4. **Syabas** , kumpulan kamu telah menjuarai
pertandingan ini ! Kata Cikgu Kumar kepada
murid-muridnya. [Pilih di sini](#)
5. **Hai** , murid-murid, ingatlah pesanan
ibu bapa kamu! Nasihat Cikgu Mei Ling. [Pilih di sini](#)
6. **Cis** , berani kamu mengganggu keamanan
kampung ini ! Kata ketua kampung dengan
marah. [Pilih di sini](#)
7. **Wah** , Chee Han! Sudah lama tidak
berjumpa dengan kamu. [Pilih di sini](#)
8. **Nah** , ambillah pemadam saya ini ! Kata
Qaira kepada Syamin. [Pilih di sini](#)
9. **Eh** , kamu juga suka berenang di sini! [Pilih di sini](#)
10. **Aduhai** , cantik sungguh gaun yang
dipakai oleh pengantin itu! [Pilih di sini](#)

Taipkan Kata Seru yang sesuai di dalam tempat kosong yang disediakan berdasarkan ayat.

Cis	Syabas	Aduhai	Wah	Amboi
Aduh	Hai	Eh	Wahai	Nah

1. _____, sudah lama kita tidak berjumpa !
2. _____, kamu juga suka bermain badminton di sini!
3. _____, kamu berjaya mendapat markah yang baik dalam ujian Bahasa Melayu.
4. _____, malangnya nasib pemuda yang ditimpa kemalangan di jalan raya itu.
5. _____, murid-muridku, anda semua harapan ibu bapa!
6. _____, merahnya baju awak !
7. _____, pedihnya luka jari aku ini!
8. _____, menarik sungguh fungsi telefon pintar ini !
9. _____, berani kamu mengganggu adikku !
10. _____, ambillah buku ini untuk dijadikan sebagai rujukan !